

**Shahrizat, Khairy, Mas Ermieyati Mendahului Pengundian
Bernama
12 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Penyandang Ketua Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan penyandang Ketua Pemuda Khairy Jamaluddin dan calon baharu Ketua Puteri Umno Mas Ermieyati Samsudin masing-masing mendahului pengundian bagi jawatan ketua sayap berkenaan.

Berdasarkan keputusan pengundian yang dikeluarkan Umno setakat 7.30 malam ini, Shahrizat memperoleh 15 undi manakala pencabarnya Raihan Suleiman Palestin dan Datuk Maznah Mazlan belum mendapat sebarang undi.

Begitu juga dengan Khairy yang kini memperoleh lapan undi berbanding tiada undi bagi empat lagi calon iaitu Syed Rosli Syed Harman, Akhramsyah Muammar Ubaidah Sanusi, Irwan Ambak Khalid Izhar dan Abd Karim Ali.

Sementara itu, Mas Ermieyati mendapat 19 undi berbanding empat undi yang diperoleh Jamilah Hanim Othman.

Bagi jawatan Naib Ketua Wanita, Datuk Azizah Mohd Dun mendahului dengan 10 undi manakala pencabarnya Datuk Suraya Yaacob mendapat lima undi.

Persaingan sengit dilihat bagi jawatan Naib Ketua Pemuda iaitu Khairul Azwan Harun yang memperoleh tiga undi, Mohamad Iruan Zulkefli dan Jamawi Jaafar masing-masing dua undi manakala Lokman Noor Adam satu undi.

Bagi jawatan Naib Ketua Puteri, Zahida Zariq Khan memperoleh 10 undi, diikuti Norsabrina Mohd Nor dengan tujuh undi dan Nazliah Ali empat undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985263>